

12/05/1997

(Laporan mingguan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka turun-naik menjelang cuti dua bulan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai 19 Mei ini.

Peniaga menyatakan meskipun terdapat sokongan belian daripada segelintir pelabur institusi terhadap saham mewah, sebarang kenaikan ketara dijangka terhalang oleh kegiatan pengambilan untung sejurus kemudian.

Pada dasarnya, tiada perubahan dalam fundamental ekonomi negeri bagi menarik dana baru untuk menyertai pasaran saham tempatan, menurut peniaga.

Sebarang pergerakan dalam harga saham akan terus berpusat pada saham individu berdasarkan keutuhan masing-masing dan yang teruk menjunam sejak kebelakangan ini.

Perkara Dr Mahathir akan bercuti panjang tidak dijangka mencetuskan sebarang keresahan di kalangan pelabur kerana perdana menteri sudah menjelaskan bahawa kesihatannya bukanlah alasan mengapa beliau mengambil cuti.

Dr Mahathir juga berkata, tiada rancangan utama yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ketika beliau bercuti.

Bagaimanapun, seorang penganalisis berkata satu penunjuk kemungkinan yang boleh menentukan sentimen pasaran saham ialah rombakan kabinet.

Perubahan kecil seperti perlantikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru berikutan perletakan jawatan Datuk Abu Hassan Omar yang dilantik Menteri Besar Selangor, tidak dijangka menggegarkan pasaran.

Tetapi rombakan kabinet pastinya akan mempengaruhi pasaran, kata penganalisis itu sambil menambah bahawa beliau menjangka Dr Mahathir akan menamakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru sebelum beliau bercuti.

Minggu lalu, Indeks Komposit naik 9.41 mata kepada 1,107.37.

Indeks Emas pula menokok 0.98 mata kepada 316.75 dan indeks Perusahaan melonjak sebanyak 20.27 mata kepada 2,047.68.

Sementara itu, indeks Papan Kedua merosot sebanyak 11.94 mata kepada 546.17.

Pada hari Rabu, Paracorp Bhd mencatat premium RM1.65 ketika memulakan dagangan sulungnya di Papan Utama berbanding harga tawarannya, iaitu RM3.65. Kaunter itu dibuka pada harga RM5.30 dan ditutup minggu ini pada RM6.20.

Pada Jumaat pula, Sapura Motors Bhd memperolehi premium RM4.20 ketika mula disebut harga di Papan Kedua, berbanding harga tawarannya, iaitu RM2.10. Kaunter itu dibuka pada harga RM6.30 dan ditutup pada RM5.70.

(END)